

Forum Kurator Perdana 2005

# Muzium: Islam dan Sains

*Penghayatan Ilmu Menerusi Muzium*

22 Disember 2005

9.00 Pagi

Auditorium

Jabatan Muzium Dan Antikuiti


*Kertas kerja dibentangkan oleh:*

Profesor Dr. Sidek Baba

Pensyarah Institut Pendidikan

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Skop: Islam dan Permuziuman



JABATAN MUZIUM DAN ANTIKUITI  
(DEPARTMENT OF MUSEUMS AND ANTIQUITIES)

Jabatan Muzium dan Antikuiti  
Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur  
Tel: 603 - 2282 6255  
Fax: 603 - 2284 9103  
<http://www.jma.gov.my>

# ISLAM DAN PERMUZIUMAN

**Prof. Dr. Sidek Baba**  
**Institut Pendidikan**  
**Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,**  
**Kuala Lumpur**

## **Abstrak**

*Muzium mengikut Kamus Dewan (Edisi Ketiga), dikenali sebagai tempat menyimpan, memelihara, mengkaji atau mempamerkan objek-objek yang mempunyai nilai sejarah, seni, saintifik dan sebagainya. Muzium bukan hanya mengandungi khazanah silam yang diukir dalam pelbagai bentuk dan dimensi, namun ia terkandung mentifak yang tersirat dalam menggambarkan perjalanan zaman yang mampu menampilkan elemen-elemen peradaban tinggi supaya manusia mendapat pedoman untuk mengembalikan diri, kehidupan dan tamadun ke arah yang lebih fitrah.*

*Islam dan permuziuman adalah sesuatu yang saling memanfaatkan. Ayat-ayat Allah tidak hanya bersifat tekstual tetapi ia merujuk kepada kontekstual ataupun realiti. Ayat-ayat Allah tidak hanya terlihat kepada apa yang dirakam tetapi terlihat kepada gelagat manusia yang memberikan sebab-akibat. Justeru, sekiranya khazanah itu ditafsir secara mentifak, ia memberi kesan besar terhadap pemikiran dan hala tuju kehidupan. Seandainya tamadun Islam dilihat sebagai tamadun yang mewakili, maka peradaban hari ini harus kembali kepada suatu kekuatan bahawa muzium menyimpan khazanah yang bernilai, dan nilai artifak beserta dengan maksud mentifak menyatakan kepada manusia bahawa apa yang berlaku pada masa yang lalu boleh berulang semula, cuma bentuk dan isinya mungkin berbeza.*

## **Mukaddimah**

Muzium adalah tempat menyimpan khazanah. Khazanah artifak yang terpilih mewakili zaman dan budaya, menemukan tradisi dan tamadun dan ianya memberi makna tentang kesilaman. Memahami kesilaman amat penting kerana wujud kesinambungan antara yang lalu, hari ini dan masa depan. Rekod-rekod yang lalu tidak saja terkandung kisah dan sejarah tetapi tersirat tafsiran yang berbagai. Tafsiran terhadap sejarah adalah mustahak kerana tanpa memahami sejarah kita tidak akan mengenal siapa kita, apa pencapaian dan kegagalan kita, bagaimana kita belajar dari kegagalan dan bagaimana jangan mengulangi kesilapan lagi. Muzium bukan saja tempat menyimpan barang-barang lama tetapi manusia hari ini harus reflektif kerana artifak dan antikuiti terkandung mesej-mesej tertentu untuk direnungkan. ✓

## **Al-Quran Khazanah Sepanjang Zaman**

Al-Quran terkandung khazanah yang amat bernilai. Di dalamnya terungkap kisah yang merentasi zaman untuk dijadikan ibrah atau pengajaran bagi orang yang terkemudian. Sejarah sering mengulangi jejak. Menelusuri sejarah, orang belajar dari kesilaman. Yang silam sering memberikan kebijaksanaan. Kebijaksanaan adalah benda yang sering hilang dari manusia. Manusia terus mencari makna dari diri dan makna kehidupan. Manusia terus meneroka zaman dan meniti perubahan. Darinya tercetus peradaban. Dan dari peradaban sesuatu bangsa dan kaum, manusia belajar untuk meningkat diri. Ada yang maju dan

membangun dalam fitrah dan ramai yang tidak bertemu makna diri dan lari dari fitrah.

✓

Allah ciptakan alam ini dengan khazanah yang amat banyak untuk mengajak manusia berfikir tentang kebesaran-Nya. Allah tidak jadikan semua itu dengan sia-sia melainkan ada hikmah di sebalik kejadian dan peristiwa. Hikmah kejadian adalah sesuatu yang amat bernilai untuk membimbing manusia mendapat petunjuk dan menemui kebenaran. Ayat-ayat Allah tidak hanya bersifat tekstual tetapi ia merujuk kepada kontekstual ataupun realiti. Ayat-ayat Allah tidak hanya terlihat kepada apa yang dirakam tetapi terlihat kepada gelagat manusia yang memberikan sebab-akibat. Kisah Nabi Nuh a.s dengan kaumnya adalah kisah sepanjang zaman. Kisah Nabi Lut a.s dengan kaumnya yang menolak kehidupan yang fitrah berulang semula pada masakini. Kisah Firaun yang sombong dan zalim dengan Nabi Musa a.s adalah simbol yang sentiasa hidup di kalangan mereka yang tidak bersyukur. Kisah kaum 'Ad dan Thamud yang ingkar terhadap Tuhannya adalah gambaran yang sentiasa segar dalam realiti hari ini.

✓

Memahami maksud al-Quran adalah memahami tentang sejarah manusia dan kehidupannya. Mengambil intisari al-Quran untuk menjadi bimbingan dan petunjuk adalah jalan membawa manusia kepada kebenaran. Allah memberikan lima ihsannya kepada manusia ciptaan-Nya. Pertama, Allah memberikan status hamba kepada manusia supaya wujudnya rasa ketaatan, ketundukan, keakuran

dan kepatuhan di kalangan manusia. Perjalanan sesuatu sistem yang baik kerana wujudnya jiwa kehambaan yang tinggi. Kedua, Allah mengurniakan manusia dengan peranan sebagai khalifah. Jiwa kekhalifahan adalah penting kerana rahmah dan nikmat Allah yang banyak perlu diurus dengan amanah. Ketiga, Allah anugerahkan manusia dengan sumber ilmu iaitu al-Quran sebagai sumber pertunjuk. Tanpa pertunjuk manusia akan hilang makna pada diri dan kehidupan. Tanpa pertunjuk manusia ibarat berada di lebuhraya kehidupan melihat *fatamorgana* atau lambaian air yang berkilau dan menyebabkan manusia tertarik dengannya tetapi tidak bertemu sehingga ke hujung perjalanan. Keempat, Allah hantarkan kepada manusia Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul untuk menjadi contoh yang patut diikuti. Tanpa contoh yang sifatnya manusiawi manusia akan ketiadaan sumber teladan yang fitrah. Kelima, Allah limpahkan mukabumi ini dengan rahmah dan nikmat yang amat banyak. Tanda kesyukuran manusia ialah menguruskan dengan *'adl wal ihsan'* kerana semua yang Allah limpahkan itu adalah bagi menafaat manusia dan makhluk yang diciptakan-Nya.

Al-Quran terkandung khazanah yang amat bernilai kerana ianya tetap hidup di sepanjang zaman. Saidatina Aishah apabila ditanya tentang akhlak Nabi Muhammad s.a.w merujuk kepada akhlak al-Quran (*khuluq al-Quran*). Al-Quran adalah khazanah yang hidup pada diri Nabi yang meninggalkan jejak *seerah* dan *sunnah* kepada manusia. Al-Quran terkandung prinsip, khabar gembira, peringatan, batasan-batasan dan sebab-akibat sebagai pertunjuk dan pedoman

untuk manusia. Tanpa pertunjuk dan pedoman manusia akan ketiadaan hikmah. Hikmah adalah suluh bagi kehidupan. Darinya manusia mengenal makna kebenaran dan kebatilan, makna kebaikan dan keburukan supaya manusia terus berada dan kekal dalam fitrah. Tanpa berada dalam fitrah manusia akan kehilangan pedoman dan arah menyebabkan hidup menjadi tidak tentu arah.

### **ARTIFAK DAN MENTIFAK**

Artifak dan antikuiti adalah khazanah silam yang memerlukan kajian dan tafsiran. Logam dan seramik yang diukir dalam berbagai bentuk dan dimensi mewakili zaman dan peristiwa. Faktor masa dan ruang menyebabkan adanya kemajuan dalam sesuatu artifak dan antikuiti. Ukiran yang dibuat dan lakaran yang teradun adalah cetus seni yang terkandung simbol-simbol yang mempunyai makna-makna yang unik. Lakaran awan larat dalam artifak Melayu umpamanya sentiasa menggunakan lambang akar, daun dan bunga bagi memindahkan maksud keindahan alamiah tanpa menggunakan simbol-simbol haiwan dan wajah-wajah yang 'hodoh' dan 'menakutkan' kerana ianya berkaitan dengan aqidah.

Oleh itu artifak dan antikuiti bukan hanya berbentuk barangan atau kepingan yang bersifat zahiri semata. Ianya terkandung mentifak atau asas pemikiran yang unik untuk menggambarkan perjalanan zaman dan peradaban manusia. Faktor mentifak ini amat penting dalam pengkajian artifak dan mentifak supaya kita dapat menemui jalur berfikir manusia dalam zaman-zaman yang berbeza, mencari titik rohaniah yang terpancar mewakili emosi dan hati yang jernih dan

akhirnya cuba mencari zaman puncak yang membawa manusia kepada tamadun tinggi yang mengembali dan mengekalkan manusia kepada fitrah. Mentifak inilah yang seharusnya menjadi fokus dan dikembangkan untuk menjadi khazanah terbaik dalam permuziuman.

Mentifak adalah pancaran hatibudi insan. Manusia tidak pernah melakukan penciptaan. Penciptaan adalah suatu proses mengadakan sesuatu yang tiada. Ianya adalah kerja Allah. Manusia hanya melakukan penggubahan dan rekaan kerana manusia memiliki daya kreativiti untuk menterjemahkan sesuatu yang bersifat asli alamiah kepada penghasilan seni dan kreativiti bagi menimbulkan nilaiguna dan keindahan dan keinsafan kepada kehidupan. Keindahan lautan dan daratan, gunung-ganang dan pohon diterjemahkan ke kanvas supaya wujud harmoni antara keaslian Pencipta dengan kreativiti insan dan ianya mendekatkan insan dengan Khaliq. Debur ombak, kicau burung, desir angin, geselan pohon adalah bunyi-bunyi alamiah yang menimbulkan harmoni dan membolehkan kreativiti berlaku dan menyebabkan manusia merasa aman dan damai dengan bunyi dan suara yang amat mersik dan menakjubkan. Ianya mendekatkan manusia dengan faktor alamiah ciptaan Ilahi. Inilah hikmah mentifak terhadap artifak yang boleh membawa kesan terhadap pemikiran manusia.

Artifak dalam apa bentuk pun merupakan sesuatu yang tersurat dalam ertikata yang luas. Tetapi di sebalik artifak terkandung makna yang amat unik menggambarkan juga apa yang tersirat pada zaman tertentu atau tempoh tertentu dalam sejarah kehidupan manusia. Di antara yang tersurat dengan yang tersirat sudah tentu wujud saripati nilai dan peradaban yang baik yang elok diungkapkan kembali supaya artifak tidak hanya menggambarkan bahan-bahan arkeologi untuk memahami aspek antropologi atau sosiologi secara sempit tetapi ianya harus mampu menampilkan elemen-elemen peradaban tinggi supaya manusia mendapat pedoman ke arah kehidupan yang lebih fitrah. Epik Hang Tuah tepu dengan mitos yang menggambarkan belunggu feudal yang amat tinggi sehingga mitos itu adalah pancaran mentifak Melayu tentang kesetiaan dan perhambaan. Kisah Tun Perak adalah gambaran tokoh bijaksana zamannya yang mendepani cabaran yang *real* dengan pendekatan yang amat realistik. Pada zamannya Tun Perak mampu mengangkat martabat peradaban Melaka ke tahap tinggi kerana faktor Islam menjadikannya terpedoman dan terarah.

### **TAMADUN YANG MEWAKILI ZAMAN**

Permuziuman dalam tradisi Islam tidak menolak elemen-elemen bandingan akibat perjalanan sejarah manusia. Fokus yang harus diberi ialah mempamerkan kepada manusia hari ini kesan-kesan kesilapan yang boleh dijadikan jejak contoh dalam proses membangun peradaban insan. Manusia hari ini sedang berada dalam tahap kerakusan diri dan kuasa, kesombongan ilmu dan fikir, memberikan

fokus terhadap kemajuan benda dan komersial dan nilai-nilai hedonistik lebih dari kualiti insan dan ihsan yang boleh menyebabkan kekacauan dalam proses membina tamadun.

Permuziuman adalah suatu khazanah penting merakamkan kisah dan peristiwa, gubahan dan rekaan, penghasilan dan penemuan, manusia primitif dan manusia maju supaya manusia hari ini dapat belajar dari sejarah silam, meneliti apa yang tersurat dan pancaran apa yang tersirat dan akhirnya terdidik dan terbimbing untuk mengembalikan diri, kehidupan dan tamadun ke arah yang lebih fitrah. Fokus ini adalah sesuatu yang amat penting kerana proses zaman yang sifatnya dinamik berubah harus berdiri atas asas-asas kehidupan beradab yang sifatnya fundamental. Kepentingan terhadap ilmu dan kreativiti, kebebasan yang terpedoman, hak asasi yang dihormati, menjaga maruah dan keturunan, menyumbang terhadap kebaikan umat manusia sewajarnya menjadi tema utama di abad ini. Sebab itu al-Quran (*surah al Hujurat:13*) menganjurkan proses *'litaarrafu'* atau kekenalan yang tinggi kerana sifat jadinya manusia dan kehidupan ini adalah berpasang-pasang dan pelbagai. Asas diversiti ini menjadi kekuatan untuk berlakunya komunikasi kemanusiaan yang membolehkan proses pembelajaran berlaku dan akhirnya dari sudut Islam yang terbaik di kalangan manusia ialah mereka yang berjiwa *'muttaqin'* iaitu di kalangan mereka yang mengakui tentang semua yang terjadi adalah diciptakan dan bakal kembali kepada-Nya dan kepada-Nyalah jiwa kehambaan ditumpahkan.

### **Akhir Kalam**

Islam dan permuziuman adalah sesuatu yang saling memanfaatkan. Artifak zaman ketamadunan Islam adalah rekod tentang pencapaian umatnya. Sekiranya khazanah itu ditafsir secara mentifak, ia memberi kesan besar terhadap pemikiran dan hala tuju kehidupan. Ada maksud-maksud yang tersirat dan besar maknanya terhadap diri manusia. Sekiranya tamadun Islam dilihat sebagai tamadun yang mewakili, maka peradaban hari ini harus kembali kepada suatu kekuatan bahawa muzium menyimpan khazanah yang bernilai dan nilai artifak beserta dengan maksud mentifak menyatakan kepada manusia bahawa apa yang berlaku pada masa yang lalu boleh berulang semula. Cuma bentuk dan isinya mungkin berbeza. Pokoknya takdir sejarah boleh mengulangi semula. Dan semua yang terjadi adalah peringatan kepada manusia supaya jangan melampaui batas.